



KOLEJ PROFESIONAL MARA

Ayer Molek
KM 16, Jalan Tiang Dua
75460 AYER MOLEK
MELAKA



Tel. : 06-2695 881 / 882

Faks : 06-2695 880

Laman Web : www.mara.gov.my

Ruj. Kami : KPMAM: 504/2/1/3 klt.2 [26]
Tarikh : 23 September 2021
16 Safar 1443 H

Tuan/Puan,

Semua Graduan
Kolej Profesional MARA Ayer Molek
Konvokesyen KPM 2021 Norma Baharu

MAKLUMAN BERKENAAN STATUS SIJIL DIPLOMA KONVOKESYEN KPM 2021 NORMA BAHARU

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

2. Pihak kolej terutamanya pihak Unit Peperiksaan dan Pensijilan (UPP) sedia maklum dengan beberapa permohonan daripada pihak graduan untuk mendapatkan salinan digital sijil diploma untuk tujuan melengkapkan permohonan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam dan luar negara.
3. Dukacita dimaklumkan bahawa terdapat masalah teknikal di pihak pembekal yang menyebabkan proses penghantaran sijil tersebut ke kolej mengalami kelewatan daripada tarikh yang dirancang sebelum ini.
4. Untuk pengetahuan tuan/puan, pengesahan tamat pengajian bergraduat bagi para graduan ini boleh juga dirujuk menerusi surat tamat belajar dan transkrip akademik yang telah dibekalkan kepada para graduan sebelum ini.
5. Pihak kami memohon maaf atas kesulitan yang timbul dan pihak kami akan segera membalas dan menghantar semua permohonan sijil yang telah dibuat oleh graduan setelah pihak kolej menerima sijil tersebut dalam masa terdekat.
6. Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

SAMSIAH BINTI KANDAR

Pengarah
Kolej Profesional MARA Ayer Molek
Melaka